



## PANDUAN, PERATURAN DAN SYARAT MAJLIS KONVOKESYEN KE-30 TAHUN 2022

### 1. TARIKH MAJLIS KONVOKESYEN

1.1. Majlis Konvokesyen ke-30 Politeknik Kuching Sarawak akan diadakan pada **12 dan 13 September 2022 (Isnin dan Selasa)** di **Hotel Imperial Kuching**.

1.2. Berikut adalah jadual Majlis Konvokesyen PKS Ke-30 tahun 2022.

TARIKH/ HARI	MASA	AKTIVITI / SESI TAMAT PENGAJIAN / SIDANG
12 September 2022 (Isnin)	8.30 pagi – 11.30 pagi	Majlis Anugerah Pingat Ketua Jabatan Graduan Tamat Pengajian Sesi Disember 2020 & Sesi I 2021/2022 *Graduan yang telah mendapat HPNM 3.50 dan ke atas
12 September 2022 (Isnin)	1.00 petang – 5.00 petang	(JKM, JP & JTMK) Sesi Disember 2020 SIDANG 1
13 September 2022 (Selasa)	7.00 pagi – 12.30 petang	(JP, JTMK, JKPK, JKE, JKM & JKA) Sesi I 2021/2022 SIDANG 2
13 September 2022 (Selasa)	1.00 petang – 5.00 petang	(JKE, JKA & JKPK) Sesi Disember 2020 SIDANG 3

- 1.3. Graduan yang terlibat untuk **Majlis Konvokesyen pada 12 dan 13 September 2022** adalah seperti berikut:

SIDANG	TARIKH (HARI)	SESI	JABATAN AKADEMIK	SESI TAMAT PENGAJIAN
	12 September 2022 (Isnin)	Pagi	Penerima Anugerah Pingat Ketua Jabatan SAHAJA	Disember 2020 & Sesi I 2021/2022
1	12 September 2022 (Isnin)	Petang	JKM JP JTMK	Disember 2020
2	13 September 2022 (Selasa)	Pagi	Semua Jabatan	Sesi I 2021/2022
3	13 September 2022 (Selasa)	Petang	JKA JKE JKPK	Disember 2020

## 2. PENDAFTARAN PENYERTAAN HADIR / TIDAK HADIR MAJLIS KONVOKESYEN

- 2.1. Sila rujuk **Lampiran B** untuk **Carta Alir Pendaftaran Penyertaan Hadir / Tidak Hadir Majlis Konvokesyen**.
- 2.2. Graduan adalah diingatkan agar **MEMBUAT PEMBAYARAN** Konvokesyen (samada Hadir / Tidak Hadir) **SEBELUM** mengisi borang Pendaftaran Hadir / Tidak Hadir Majlis Konvokesyen.
- 2.3. Penyertaan graduan ke majlis konvokesyen ini hendaklah dibuat secara dalam talian (*online*) melalui laman web <http://www.poliku.edu.my/e-konvokesyen/> dengan mengisi borang permohonan sama ada **HADIR / TIDAK HADIR** majlis konvokesyen. Tatacara permohonan bolehlah dirujuk terus ke laman web berkenaan.
- 2.4. Tarikh mula pendaftaran adalah pada **11 Julai 2022 – 31 Ogos 2022**
- 2.5. Graduan memilih untuk **HADIR** namun gagal mengisi borang pendaftaran penyertaan dan tidak membayar yuran konvokesyen tidak dibenarkan untuk mengikuti majlis konvokesyen.

### 3. BAYARAN

3.1. Bayaran Konvokesyen:

3.1.1. Hadir Majlis: **RM 300.00**

3.1.2. Tidak Hadir Majlis: **RM 150.00**

3.2. Tarikh mula bayaran adalah pada **07 Julai 2022 – 31 Ogos 2022**

3.3. Pembayaran hanya boleh dibuat melalui:

- Cash Deposit Machine (CDM) **BANK ISLAM.**
- Bill Presentment melalui Perbankan Internet **BANK ISLAM**

3.4. Pembayaran secara **Inter-Bank** daripada bank selain Bank Islam adalah **TIDAK DITERIMA**. Hanya pembayaran melalui mesin CDM Bank Islam dan Perbankan Online Bank Islam sahaja yang diterima.



3.5. Jika di kawasan anda **TIADA** cawangan BANK ISLAM, anda dinasihatkan membuat pembayaran tersebut di cawangan BANK ISLAM berhampiran atau di BANK ISLAM cawangan Kuching.

3.6. Tatacara bayaran melalui **Cash Deposit Machine Bank Islam**

- i. Pilih menu **YURAN IPT / BILL PRESENTMENT.**
- ii. Masukkan **NO. KAD PENGENALAN PELAJAR**
- iii. Pilih **POLI KUCHING**
  - **Bayaran RM 300.00 jika HADIR**
  - **Bayaran RM 150.00 jika TIDAK HADIR**
- iv. Sahkan data dan masukkan wang.
- v. Sahkan jumlah wang yang dimasukkan.
- vi. Transaksi selesai dan ambil Resit.

3.7. Tatacara bayaran melalui **Bill Presentment melalui Perbankan Internet BANK ISLAM**

1. Layari <http://www.bankislam.biz>.
2. Masukkan "USER ID" dan kata laluan.
3. Pilih **Payments / Services > Bill Presentment > ID Type : New IC Number**
4. Masukkan "ID/IC" : No Kad Pengenalan Graduan > Klik "Submit"
5. Pilih Biller **POLITEKNIK KUCHING – KOPERASI PKS BERHAD**
  - 05XXXXXRM300 - Bayaran RM 300.00 jika HADIR
  - 05XXXXXRM150 - Bayaran RM 150.00 jika TIDAK HADIR
6. Klik "PAY" > Pilih **From Account** > Klik "PAY"
7. Transaksi selesai dan **SAVE/CETAK** Resit.

3.8. Tatacara bergambar boleh dirujuk melalui **Lampiran E**.

3.9. Slip bayaran atau resit **ASAL** perlu disimpan oleh graduan dan dikehendaki menunjukkan slip bayaran semasa hari pendaftaran konvokesyen dan pengambilan jubah.

3.10. Graduan dikehendaki membuat **Salinan Slip Bayaran** untuk simpanan sendiri atau bagi tujuan lain-lain dikhuatiri resit asal hilang.

#### 4. PANDUAN MAJLIS ANUGERAH PINGAT KETUA JABATAN (APKJ) KONVOKESYEN PKS KE-30 TAHUN 2022

##### 4.1. Pendaftaran

- 4.1.1. Graduan dikehendaki hadir dan mendaftar kepada urusetia pendaftaran pada pukul 8.00 pagi – 8.30 pagi.

##### 4.2. Etika Pakaian dan Rupa diri Graduan Lelaki

- 4.2.1. Graduan **WAJIB** memakai pakaian yang **sopan, kemas dan sesuai** dengan majlis. (*Jeans*, selipar dan T-shirt tanpa kolar tidak dibenarkan)
- 4.2.2. Graduan digalakkan berkemeja lengan panjang, seluar slack gelap dan bertali leher.
- 4.2.3. Kasut bertutup berwarna hitam/gelap dan stokin berwarna hitam/gelap yang bersesuaian untuk majlis rasmi. **SELIPAR & KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN.**
- 4.2.4. Graduan hendaklah **berambut pendek** (tidak mencecah kolar baju serta tidak menutupi telinga dan dahi) dan kemas.
- 4.2.5. Rambut berfesyen seperti ‘punk’, berekor atau **diwarnakan** tidak dibenarkan

##### 4.3. Etika Pakaian dan Rupa diri Graduan Wanita

- 4.3.1. Graduan diwajibkan memakai pakaian yang **sopan, kemas dan sesuai** dengan majlis. (*Jeans*, selipar dan T-shirt tanpa kolar tidak dibenarkan)
- 4.3.2. Graduan digalakkan berbaju kebangsaan atau pakaian labuh yang sopan dan bertudung bagi yang beragama Islam.
- 4.3.3. Bagi yang bukan Islam, selain memilih mengenakan pakaian pada 3(b), boleh memakai blaus berlengan **panjang** dan skirt **labuh hingga paras buku lali / seluar slack gelap**.
- 4.3.4. Warna dan corak pakaian hendaklah sesuai dengan majlis rasmi.
- 4.3.5. Kasut bertutup berwarna gelap atau sandal bertumit. **SELIPAR & KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN.**
- 4.3.6. Graduan bukan Islam hendaklah berambut kemas.
- 4.3.7. Rambut berfesyen seperti ‘punk’, berekor atau **diwarnakan** tidak dibenarkan.

## 5. LAPOR DIRI MAJLIS KONVOKESYEN

- 5.1. Semua graduan hendaklah mendaftarkan diri di **foyer Tingkat 5, Hotel Imperial, Kuching**.
- 5.2. Jadual Kaunter Pendaftaran dibuka adalah seperti berikut:

SIDANG	TARIKH (HARI)	SESI	MASA
1	12 September 2022 (Isnin)	Petang	12.30 Tengahari
2	13 September 2022 (Selasa)	Pagi	6.30 Pagi
3	13 September 2022 (Selasa)	Petang	12.30 Tengahari

- 5.3. Graduan hendaklah membawa **Kad Pengenalan** dan mengemukakan **Slip/Resit Bayaran** bersama-sama **Surat Jawapan Akan Hadir yang dicetak** kepada urusetia sebagai bukti pembayaran konvokesyen telah dibuat. (Slip bayaran adalah bukti pembayaran dan tidak akan diambil)
- 5.4. Graduan akan diberi **PAS MASUK DEWAN**. Sila semak nama dan butiran di dalam pas masuk sebelum berbaris.
- 5.5. Graduan yang **gagal** mendaftar diri seperti tarikh dan masa yang ditetapkan, **tidak akan dibenarkan** menyertai majlis konvokesyen.
- 5.6. Graduan yang telah mendaftar dikehendaki berbaris mengikut **JABATAN MASING-MASING**.
- 5.7. Sila ikut arahan **PEMANDU GRADUAN** semasa berbaris, masuk/keluar ke/dari dewan dan semasa proses penyerahan folder.
- 5.8. Semasa majlis sedang berlangsung graduan diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising atau keluar meninggalkan dewan.

## 6. IBU BAPA / TETAMU

- 6.1. Setiap graduan hanya dibenarkan membawa **DUA (2) orang** (ibu/bapa/penjaga/tetamu) memasuki dewan ketika majlis konvokesyen berlangsung. **PAS MASUK DEWAN** akan dibekalkan kepada graduan semasa pengambilan jubah.
- 6.2. Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah **TIDAK DIBENARKAN** berada di dalam dewan konvokesyen.
- 6.3. Ibu/bapa/tetamu **TIDAK DIBENARKAN** mengambil gambar graduan ketika majlis berlangsung.
- 6.4. Ibu/bapa/tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak keluar dari dewan atau membuat bising di dalam dewan.
- 6.5. Pakaian ibu/bapa/tetamu hendaklah **kemas dan bersesuaian** untuk majlis rasmi.
- 6.6. Graduan diminta **memaklumkan** peraturan ini kepada ibu/bapa/tetamu.

## 7. TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 7.1. Tempat letak kenderaan disediakan di kawasan hotel tetapi keutamaan adalah kepada tetamu hotel, namun graduan dan ibu bapa boleh juga meletak kenderaan di ruang Pusat Membeli Belah Boulevard dan bayaran tempat letak kenderaan adalah tanggungjawab masing-masing.
- 7.2. Graduan dinasihatkan untuk datang awal bagi mengelakkan tempat letak kenderaan penuh.

## 8. ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI GRADUAN

Graduan dikehendaki untuk memakai topeng pelitup muka berwarna **PUTIH** bagi keseragaman majlis.

### 8.1. Etika Pakaian dan Rupa diri Graduan Lelaki

8.1.1. Graduan dimestikan memakai sama ada:

8.1.1.1. Baju Melayu cekak musang berwarna hitam berbutang lengkap, bersongkok hitam dan bersamping.

#### ATAU

8.1.1.2. Berkemeja lengan panjang berwarna putih, seluar slack hitam, bertali leher dan bersongkok (non-Muslim digalakkan bersongkok). Graduan digalakkan memakai blazer.

8.1.2. Kasut kulit dan sarung kaki berwarna hitam/gelap yang bersesuaian untuk majlis rasmi. **KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN.**

8.1.3. Graduan hendaklah **berambut pendek** (tidak mencecah kolar baju serta tidak menutupi telinga dan dahi) serta kemas.

8.1.4. **Rambut berfesyen seperti 'punk', berekor atau diwarnakan tidak dibenarkan.**

### 8.2. Etika Pakaian dan Rupa diri Graduan Wanita

8.2.1. Baju kurung, kebaya, kebarung, sari atau pakaian labuh yang sopan dan bertudung putih bagi yang beragama Islam.

8.2.2. Bagi yang bukan Islam, selain memilih mengenakan pakaian pada 7.2.1, boleh memakai blaus **putih** berlengan **panjang** dan skirt **labuh hingga paras buku lali / seluar slack hitam.**

8.2.3. **Tudung berwarna putih** sahaja dibenarkan dipakai oleh wanita muslim bagi tujuan penyeragaman warna untuk seri majlis.

8.2.4. Kasut bertutup dan berwarna hitam/gelap. **KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN.**


8.2.5. Graduan bukan Islam hendaklah berambut kemas.

8.2.6. Rambut berfesyen seperti 'punk', berekor atau **diwarnakan** tidak dibenarkan.

**Nota: Sila buat persediaan sewajarnya supaya graduan tidak menghadapi kesulitan seperti ditahan dan sebagainya untuk menyertai majlis konvokesyen.**



### ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI GRADUAN LELAKI



## ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI BAGI GRADUAN WANITA



PAKAIAN GRADUAN PEREMPUAN BUKAN ISLAM



## ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI BAGI TETAMU/JEMPUTAN



PAKAIAN FORMAL (BATIK/KEMEJA/BAJU KURUNG/KEBAYA)



## 9. KAJIAN PENGESANAN GRADUAN

### 9.1. Panduan Kepada Graduan:

- 9.1.1. **Graduan** yang **hadir** majlis konvokesyen **diwajibkan** menjawab **Kajian Pengesanan Graduan** sebelum mengambil jubah.
- 9.1.2. Kegagalan menjawab kajian ini akan mengakibatkan graduan **tidak dapat mengambil jubah** dan sijil **Diploma** atau **Transkrip** anda ditahan.

### 9.2. Tujuan Kajian Pengesanan Graduan

- 9.2.1. Kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan pandangan graduan terhadap program pengajian, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan semasa mengikuti pengajian di Politeknik Kuching Sarawak serta strategi memasuki dan menghadapi alam pekerjaan.
- 9.2.2. Maklum balas graduan sangat penting bagi membawa perubahan yang membina kepada Politeknik Kuching Sarawak dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam melahirkan graduan TVET yang berkualiti.

### 9.3. Proses Kerja Pengisian Kajian:

- 9.3.1. Panduan dan tatacara pengisian **Kajian Pengesanan Graduan** boleh diakses di <http://www.poliku.edu.my/e-konvokesyen/>
- 9.3.2. Untuk mengisi **Kajian Pengesanan Graduan**, sila layari laman pautan [http://www.poliku.edu.my/tracer\\_study/](http://www.poliku.edu.my/tracer_study/) dan sila lengkapkan maklumat yang diperlukan **bermula tarikh 15 Ogos 2022 (Isnin)**.
- 9.3.3. Satu **taklimat** berhubung tatacara pengisian kajian ini akan dilaksanakan **secara dalam talian**.

### 9.4. Penghantaran Slip Kajian Pengesanan Graduan

- 9.4.1. Graduan yang **TIDAK HADIR**, perlu menghantar Slip Kajian Pengesanan Graduan dengan mematuhi cara/kaedah pengambilan sijil diploma.
- 9.4.2. Graduan yang **HADIR** perlu menghantar **Slip Kajian Pengesanan Graduan** di kaunter yang disediakan bersebelahan Kaunter Pengambilan Jubah. Rujuk **Lampiran D Carta Alir Kajian Pengesanan Graduan** yang disertakan.
- 9.4.3. Jika menghantar wakil untuk mengambil jubah, pastikan wakil membawa segala maklumat dan dokumen yang diperlukan.

- 9.4.4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung Kajian Pengesanan Graduan ini, sila hubungi **Puan Sabrina binti Milan di talian 013-8205300** atau **Encik Johari Ahmad bin Ghazali di talian 016-8676514**.

## 10. JUBAH KONVOKESYEN

### 10.1. Pengambilan Jubah

- 10.1.1. Jadual pengambilan jubah seperti **Lampiran C Jadual 1**.
- 10.1.2. Jubah boleh diambil mengikut masa dan tempat seperti di **Jadual 1** dengan mengemukakan **Slip Bayaran Asal** Konvokesyen dan **Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan**.
- 10.1.3. Urusan pengambilan jubah selain daripada **jadual** di **10.1.1** tidak akan dilayan.
- 10.1.4. Sebarang **pengubahsuaian** pada jubah **tidak dibenarkan**.
- 10.1.5. Penentuan saiz jubah adalah berdasarkan pilihan menerusi pautan dalam talian (<https://tinyurl.com/BorangPermohonanJubah>). Sebarang penukaran saiz semasa proses pengambilan jubah adalah tidak dibenarkan.
- [PENAFIAN: Bilangan jubah berdasarkan saiz (S, M, L & XL) adalah terhad. Oleh itu, konsep 'first come, first serve' digunapakai semasa pengambilan jubah]**
- 10.1.6. Bagi graduan yang menghantar wakil, graduan perlu mengisi bahagian wakil pada Borang Peminjaman Jubah beserta dengan surat perwakilan. Jika tidak ada surat perwakilan, wakil tersebut **TIDAK DIBENARKAN** mengambil jubah.

### 10.2. Pemulangan Jubah

- 10.2.1. Jadual pemulangan jubah seperti **Lampiran C Jadual 1**.
- 10.2.2. Jubah perlu dipulangkan selepas majlis konvokesyen tamat.
- 10.2.3. Pemulangan jubah selepas daripada tarikh **16 September 2022** akan dikenakan denda **RM10 sehari** (*hari bekerja sahaja*)
- 10.2.4. **Pemulangan Jubah** akan menjadi **bukti untuk graduan membuat tuntutan diploma**.
- 10.2.5. Semasa pemulangan Jubah, Saiz & No Jubah hendaklah sama dengan saiz

yang dipinjam. Jika saiz & no jubah tidak sama, graduan dikehendaki untuk menukar balik jubah tersebut dengan jubah yang dipinjam. Jika sudah dijumpai, barulah graduan boleh membuat proses pemulangan dan mendapatkan Slip Menuntut Diploma / Sijil pada pegawai bertugas.

### 10.3. Kehilangan atau Kerosakan Jubah

- 10.3.1. Jadual Kehilangan atau Kerosakan Jubah jubah seperti **Lampiran C Jadual 2**.
- 10.3.2. Graduan tidak dibenarkan meminda/mengubah mana-mana bahagian jubah yang disewa.
- 10.3.3. Caj akan dikenakan kepada graduan bagi kos kehilangan/kerosakan pada jubah dan Diploma tidak akan dikeluarkan kepada graduan sehingga bayaran tersebut dijelaskan.
- 10.3.4. Sebarang pertanyaan sila hubungi Pegawai Koperasi di talian berikut:

**Encik Frankie Jones Anak Saing**  
**Penyelia Operasi**  
**Koperasi Politeknik Kuching Sarawak Berhad**  
**kopolikuberhad@gmail.com**  
**010-8780703**

## 11. TUNTUTAN SIJIL DIPLOMA

- 11.1. Graduan yang **HADIR** majlis konvokesyen boleh menuntut sijil diploma di **Danum 8** selepas memulangkan jubah dengan mengemukakan **Slip Pemulangan Jubah** dan **Tuntutan Sijil Diploma** yang telah ditandatangani dan cop oleh Jawatankuasa Jubah di **Danum 9**.
- 11.2. Graduan yang **TIDAK HADIR** ke majlis konvokesyen boleh menuntut sijil diploma dengan:
- 11.2.1. Hadir sendiri ke Unit Peperiksaan PKS.
- 11.2.2. Menghantar wakil untuk menuntutnya dengan mengemukakan:
- i. Surat perwakilan.
  - ii. Salinan kad pengenalan graduan yang disahkan.
  - iii. Salinan kad pengenalan wakil yang disahkan.
- 11.2.3. Penghantaran secara pos kepada graduan.
- 11.3. Bagi graduan yang tidak hadir:
- 11.3.1. Graduan wajib melengkapkan **Borang Permohonan Sijil/Diploma Politeknik (Graduan Yang Tidak Hadir Majlis Konvokesyen)** yang boleh dimuat turun di laman sesawang <http://www.poliku.edu.my/unit-peperiksaan/> untuk dikemukakan semasa tuntutan (Perkara 11.2.1 dan 11.2.2) manakala bagi Perkara 11.2.3, borang yang telah lengkap diisi perlu dipos ke:
- Unit Peperiksaan,  
Politeknik Kuching Sarawak,  
KM 22, Jalan Matang,  
93050 KUCHING,  
Sarawak.**
- 11.3.2. Graduan / wakil wajib mengemukakan **satu salinan cetakan slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan** semasa tuntutan.
- 11.3.3. Tuntutan hanya boleh dilakukan **selepas tarikh rasmi** majlis konvokesyen berlangsung.
- 11.3.4. Sijil diploma yang tidak dituntut akan disimpan di Unit Peperiksaan Politeknik Kuching Sarawak.

## 12. GAMBAR KONVOKESYEN

- 12.1. Gambar konvokesyen diurus oleh Urusetia Konvokesyen di bawah **JK PERSEMBAHAN, FOTOGRAFI, VIDEO & MULTIMEDIA** dengan melantik syarikat fotografi luar.
- 12.2. Setiap graduan yang hadir akan menerima gambar secara pakej 1 keping saiz 6R (menegak jalan turun), 1 keping saiz 8R (melintang), 1 keping gambar 12R (menegak) dan Salinan softcopy (CD atau emel)
- 12.3. Penghantaran secara pos diuruskan oleh syarikat fotografi yang dilantik.
- 12.4. Perkhidmatan Studio Fotografi juga disediakan semasa majlis. Walaubagaimanapun, gambar studio tidak termasuk dalam pakej fotografi.

## 13. PERINGATAN TAMBAHAN

- 13.1. Graduan yang masih belum menjelaskan apa-apa yuran dengan PKS atau belum memulangkan buku perpustakaan atau barang-barang yang lain yang dipinjam dari mana-mana bahagian di PKS, diingatkan supaya menyelesaikan urusan dengan pihak yang berkenaan dengan segera.
- 13.2. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan graduan tidak boleh menuntut diploma dan transkrip.



**LAMPIRAN A****JADUAL PENDAFTARAN & MAJLIS KONVOKESYEN KE-30  
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK****RINGKASAN TENTATIF MAJLIS KONVOKESYEN PKS 2022**

TARIKH/ HARI	MASA	AKTIVITI / GRADUAN TAMAT PENGAJIAN
12 September 2022 (Isnin)	7.00 pagi - 11.00 pagi	Majlis Anugerah Pingat Ketua Jabatan <b>Sesi Disember 2020 &amp; Sesi I 2021/2022</b> *Graduan yang telah mendapat HPNM 3.50 dan ke atas
12 September 2022 (Isnin)	1.00 petang - 5.00 petang	(JKM, JP & JTMK) <b>Sesi Disember 2020</b> SIDANG 1
13 September 2022 (Selasa)	7.00 pagi - 12.30 petang	(JP, JTMK, JKPK, JKE, JKM & JKA) <b>Sesi I 2021/2022</b> SIDANG 2
13 September 2022 (Selasa)	1.00 petang - 5.00 petang	(JKE, JKA & JKPK) <b>Sesi Disember 2020</b> SIDANG 3

## **TENTATIF PENDAFTARAN DAN MAJLIS KONVOKESYEN PKS 2022**

ATURCARA : MAJLIS ANUGERAH PINGAT KETUA JABATAN PKS 2022  
 GRADUAN : Tamat Pengajian Sesi Disember 2020 & Sesi I 2021/2022  
 TARIKH : 12 SEPTEMBER 2022 [ISNIN]  
 MASA : 8.30 PAGI

MASA	AKTIVITI
8.30 pagi	Ketibaan dan pendaftaran graduan (berkumpul di tempat perbarisan)
8.50 pagi	Ketibaan Ketua-Ketua Jabatan
9.00 pagi	Ketibaan Pengarah Nyanyian Lagu Negaraku Nyanyian Lagu Ibu Pertiwiku Bacaan doa Ucapan aluan oleh <b>Pengarah Politeknik Kuching Sarawak</b> Penyampaian Sijil dan Pingat Ketua Jabatan Nyanyian Lagu Politeknik Malaysia Sesi Bergambar Tuntutan Sijil
11.00 pagi	Bersurai

ATURCARA : MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KALI  
KE 30 [SIDANG PERTAMA / 1.00 PETANG]

GRADUAN : Tamat Pengajian Sesi Disember 2020 bagi Jabatan:

*i) Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)*

*ii) Jabatan Perdagangan (JP)*

*iii) Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komputer (JTMK)*

TARIKH : 12 SEPTEMBER 2022 [ISNIN]

MASA : 1.00 PETANG

MASA	AKTIVITI
1:00 petang - 1.30 petang	<p><b>Ketibaan graduan</b> (berkumpul di tempat perbarisan)</p> <p><b>Ketibaan ibu bapa</b></p> <p><b>Ketibaan para jemputan</b></p> <p><i>- Ibu bapa dan jemputan dijemput masuk ke dalam dewan</i></p> <p><i>- Taklimat ringkas keselamatan &amp; tentatif majlis oleh pengacara majlis</i></p>
1.50 petang	<p><b>Perarakan masuk graduan</b></p>
2.00 petang  2.15 petang	<p><b>Ketibaan Tetamu Kehormat</b></p> <p><b>Perarakan masuk Ketua Jabatan</b> Politeknik Kuching Sarawak</p> <p><b>Perarakan masuk VIP</b></p> <p><b>Nyanyian Lagu Negaraku</b></p> <p><b>Nyanyian Lagu Ibu Pertiwiku</b></p> <p><b>Bacaan doa</b></p> <p><b>Ucapan aluan oleh Pengarah PKS</b></p> <p><b>Ucapan perasmian oleh Tetamu Kehormat</b></p> <p><b>Penyampaian diploma Sesi Disember 2020 [JKM, JP &amp; JTMK]</b></p> <p><i>Rehat dan persembahan</i></p> <p><b>Penyampaian diploma Sesi Disember 2020 [JKM, JP &amp; JTMK]</b></p>

5.00 petang	<b>Penyampaian Anugerah Graduan Cemerlang</b> <b>Nyanyian Lagu Politeknik Malaysia</b> <b>Perarakan keluar Tetamu Kehormat</b> <b>Bersurai</b>
-------------	---

ATURCARA : MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KALI  
KE 30 [SIDANG KEDUA / 7.00 PAGI]

GRADUAN : Tamat Pengajian Sesi I 2021/2022 bagi Jabatan:

- i) Jabatan Perdagangan (JP)*
- ii) Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komputer (JTMK)*
- iii) Jabatan Kejuruteraan Petrokimia (JKPK)*
- iv) Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)*
- v) Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)*
- vi) Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)*

TARIKH : 13 SEPTEMBER 2022 [SELASA]

MASA : 7.00 PAGI

MASA	AKTIVITI
7.00 pagi - 8.15 pagi	<p><b>Ketibaan graduan</b> (berkumpul di tempat perbarisan)  <b>Ketibaan ibu bapa</b>  <b>Ketibaan para jemputan</b></p> <p>- Ibu bapa dan jemputan dijemput masuk ke dalam dewan  - Taklimat ringkas keselamatan &amp; tentatif majlis oleh pengacara majlis</p>
8.30 pagi	<p><b>Perarakan masuk graduan</b></p>
8.40 pagi  9.00 pagi	<p><b>Ketibaan VIP</b></p> <p><b>Perarakan masuk Ketua Jabatan</b> Politeknik Kuching Sarawak</p> <p><b>Perarakan masuk VIP</b></p> <p><b>Nyanyian Lagu Negaraku</b>  <b>Nyanyian Lagu Ibu Pertiwiku</b></p> <p><b>Bacaan doa</b></p> <p><b>Ucapan aluan oleh Pengarah PKS</b></p> <p><b>Ucapan perasmian oleh VIP</b></p> <p><b>Penyampaian diploma Sesi 1:2021/2022 [JP, JTMK &amp; JKPK]</b></p>

12.30 pm	<p><i>Rehat dan persembahan</i></p> <p><b>Penyampaian diploma Sesi 1:2021/2022 [JKA, JKM &amp; JKE]</b></p> <p><b>Penyampaian Anugerah Graduan Cemerlang</b></p> <p><b>Nyanyian Lagu Politeknik Malaysia</b></p> <p><b>Perarakan keluar <b>VIP</b></b></p> <p><b>Bersurai</b></p>
----------	---

ATURCARA : MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KALI  
KE 30 [SIDANG KETIGA / 1.00 PETANG]

GRADUAN : Tamat Pengajian Sesi Disember 2020 bagi Jabatan:

*i) Jabatan Kejuruteraan Petrokimia (JKPK)*

*ii) Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)*

*iii) Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)*

TARIKH : 13 SEPTEMBER 2022 [SELASA]

MASA : 1.00 PETANG


MASA	AKTIVITI
1:00 petang - 1.30 petang	<p><b>Ketibaan graduan</b> (berkumpul di tempat perbarisan)  <b>Ketibaan ibu bapa</b>  <b>Ketibaan para jemputan</b></p> <p><i>- Ibu bapa dan jemputan dijemput masuk ke dalam dewan</i>  <i>- Taklimat ringkas keselamatan &amp; tentatif majlis oleh pengacara majlis</i></p>
1.50 petang	<b>Perarakan masuk graduan</b>
2.00 petang  2.15 petang	<p><b>Ketibaan VIP</b></p> <p><b>Perarakan masuk Ketua Jabatan</b> Politeknik Kuching Sarawak</p> <p><b>Perarakan masuk VIP</b></p> <p><b>Nyanyian Lagu Negaraku</b>  <b>Nyanyian Lagu Ibu Pertiwiku</b></p> <p><b>Bacaan doa</b></p> <p><b>Ucapan aluan oleh Pengarah PKS</b></p> <p><b>Ucapan perasmian oleh VIP</b></p> <p><b>Penyampaian diploma Sesi Disember 2020 [JKPK, JKA &amp; JKE]</b></p> <p><i>Rehat dan persembahan</i></p> <p><b>Penyampaian diploma Sesi Disember 2020 [JKPK, JKA &amp; JKE]</b></p>

5.00 petang	<b>Penyampaian Anugerah Graduan Cemerlang</b> <b>Nyanyian Lagu Politeknik Malaysia</b> <b>Perarakan keluar VIP</b> <b>Bersurai</b>
-------------	---



**LAMPIRAN B**

**CARTA ALIR PENDAFTARAN PENYERTAAN HADIR / TIDAK HADIR MAJLIS  
KONVOKESYEN KE-30  
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**



**Nota:** *Graduan dinasihatkan untuk mengikuti proses seterusnya seperti mengisi Kajian Pengesanan Graduan dan Pengambilan Jubah mengikut tarikh yang ditetapkan. Sila rujuk Panduan Majlis Konvokesyen*

**LAMPIRAN C****JADUAL 1: PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN JUBAH KONVOKESYEN  
POLITEKNIK KUCHING**

<b>Perkara</b>	<b>Tarikh / Masa</b>	<b>Lokasi</b>
<b>Pengambilan / Agihan</b>	<b>5 – 11 September 2022 (Isnin – Ahad)</b> <i>Jam 9:00am – 4:00pm</i>	<b>Cybercafe</b> Koperasi Politeknik Kuching Sarawak Berhad
	<b>12 September 2022 (Isnin)</b> <i>9:00am – 12:00pm</i> <i>2:00am – 5:00pm</i>	<b>Imperial Hotel</b> Danum 9
<b>Pemulangan</b> <i>(Pemulangan jubah yang <b>lewat</b> daripada tarikh <b>16 September</b> <b>2022</b> akan dikenakan denda <b>RM10 sehari</b>)</i>	<b>12 - 13 september 2022 (Isnin - Selasa)</b> <i>Selesai majlis konvokesyen hingga jam 5:00pm</i>	<b>Imperial Hotel</b> Danum 9
	<b>14 - 16 September 2022 (Rabu - Jumaat)</b> <i>Jam 9:00am – 4:00pm</i>	<b>Cybercafe</b> Koperasi Politeknik Kuching Sarawak Berhad

**JADUAL 2: KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN JUBAH KONVOKESYEN  
POLITEKNIK KUCHING**


<b>Perkara</b>	<b>Kadar Caj (RM)</b>
<b>Kehilangan Jubah</b>	<b>500.00</b>
<b>Kerosakan Jubah</b>	<b>Bergantung kepada jenis kerosakan</b>

## **PERATURAN PEMINJAMAN DAN PEMULANGAN JUBAH KONVOKESYEN**

1. Semasa mengambil Jubah Konvokesyen, graduan mestilah meyeritakan salinan
  - a. **Slip Bayaran Asal Kovokesyen.**
  - b. **Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan.**
2. Graduan digalakkan **mengambil sendiri** Jubah Konvokesyen dan menunjukkan kad pengenalan diri sebagai bukti.
3. Graduan dikehendaki mengisi **maklumat pada borang yang disediakan** semasa melakukan pinjaman. Hanya **graduan yang tersenarai dalam Buku Konvokesyen** sahaja yang layak menerima Jubah Konvokesyen.
4. **Graduan bertanggungjawab sepenuhnya** terhadap sebarang kerosakan atau kehilangan Jubah Konvokesyen semasa dalam jagaan mereka. Jika berlaku kerosakan atau kehilangan, graduan berkenaan akan dikenakan bayaran ganti rugi sebanyak **RM500.00** (Ringgit Malaysia: **Lima Ratus Sahaja**).
5. Graduan **tidak dibenarkan mencuci** sendiri Jubah Konvokesyen.
6. Jika perlu, graduan dinasihatkan **menggosok/seterika jubah pada suhu yang rendah**.
7. Graduan **tidak dibenarkan membuat sebarang pengubahsuaian** pada Jubah Konvokesyen.
8. **Diploma** tidak akan diserahkan kepada graduan yang gagal untuk memulangkan Jubah Konvokesyen pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan.

**LAMPIRAN D****KAJIAN PENGESANAN GRADUAN & PERATURAN KEPADA BAKAL GRADUAN**

## PROSES KERJA PENGISIAN KAJIAN UNTUK GRADUAN YANG HADIR KONVOKESYEN




**\*\* NOTA PENTING:** Sekiranya menghantar wakil, pastikan segala maklumat yang diperlukan untuk kajian dibawa bersama.

**LAMPIRAN E****TATACARA PEMBAYARAN BERGAMBAR**


***Hadir Konvokesyen : RM 300.00***  
***Tidak Hadir Konvokesyen : RM 150.00***

**PEMBAYARAN MELALUI CASH DEPOSIT MACHINE, CDM BANK ISLAM**



1. Pilih menu **YURAN IPT / BILL PRESENTMENT**.



2. Masukkan **No Kad Pengenalan Graduan**.



### 3. Pilih **POLI KUCHING (Pilih bayaran RM300 Hadir atau RM150 Tidak Hadir)**



**\*\* Pilih setiap satu pilihan mengikut pilihan HADIR atau TIDAK HADIR dan pastikan anda membuat pembayaran mengikut pilihan yang betul.**

4. Sahkan data dan masukkan wang.
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang.

Transaksi selesai dan ambil Resit. Jika tiada resit dikeluarkan, sila rujuk pihak bank untuk dapatkan resit transaksi tersebut.

## PEMBAYARAN BILL PRESENTMENT MELALUI PERBANKAN INTERNET BANK ISLAM

1. Layari <http://www.bankislam.biz>.
2. Masukkan "USER ID" dan kata laluan.
3. Pilih **Payments / Services > Bill Presentment > ID Type : New IC Number**



4. Masukkan "ID/IC" : No Kad Pengenalan Graduan > Klik "Submit"

The screenshot shows the Bank Islam website interface for the "Bill Presentment" page. At the top, there is a navigation bar with the following items: Home, My Accounts, DuitNow, Funds Transfer, Payments / Services, Term Deposit & Investment, and Settings. Below the navigation bar, there is a header section with the text "Bill Presentment" and "as at 05-Jul-2022 11:51:17 MYT". The main content area contains a form with the following fields: "ID / IC Type" (a dropdown menu with "Please select" as the selected option) and "ID / IC" (a text input field). A "Submit" button is located at the bottom right of the form. Below the form, there is a "Note:" section with the text "To view our Bill Presentment Billers, click here".

5. Pilih Biller **POLITEKNIK KUCHING – KOPERASI PKS BERHAD**

- 05XXXXXXRM300 - Bayaran RM 300.00 jika HADIR
- 05XXXXXXRM150 - Bayaran RM 150.00 jika TIDAK HADIR



BANK ISLAM

**Bill Presentment**

as at 05-Jul-2022 11:54:24 MYT

ID / IC Type New IC Number ▼

ID / IC  

Submit

**List of Bill Presentment**

Select	No	Biller	Bill Number
<input type="radio"/>	1		
<input type="radio"/>	2		
<input type="radio"/>	3		
<input type="radio"/>	4		
<input checked="" type="radio"/>	5	POLITEKNIK KUCHING - KOPERASI PKS BERHAD	0503557RM300
<input type="radio"/>	6	POLITEKNIK KUCHING - KOPERASI PKS BERHAD	0504916RM150

Pay Cancel

Note:  
To view our Bill Presentment Billers, click [here](#)

6. Klik **"PAY"** > Pilih **From Account** > Klik **"PAY"**

7. Transaksi selesai dan **SAVE/CETAK** Resit.